

Keberkesanan Sistem E-Kesediaan Kerjaya

Effectiveness of Career Readiness E-Readiness System

Abdul Halim Ahmad*¹

¹ Politeknik Kuala Terengganu, Jalan Sultan Ismail,
20200 Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia,

Corresponding author email: abdulhalim@pkt.edu.my

Received 18 August 2024, Revised 20 October 2024, Accepted 31 October 2024, Published 30 November 2024

ABSTRAK

Sistem e-Kesediaan Kerjaya dibangunkan bagi membantu Unit CISEC (Corporate, Industrial Services and Employability Centre) di Politeknik Kuala Terengganu mengurus program kesediaan kerjaya dengan berkesan. Pembangunan sistem ini merupakan suatu alternatif terbaik bagi menyelesaikan pelbagai isu berkaitan pengurusan program kesediaan kerjaya. Ketiadaan suatu sistem berpusat yang dapat dicapai melalui dalam talian menyukarkan pegawai yang terlibat mengawal selia program kesediaan kerjaya. Sistem e – Kesediaan Kerjaya yang dibangunkan perlu dinilai dari aspek keberkesannannya bagi memastikan kualiti perkhidmatan yang disediakan menepati keperluan pengguna. Kajian yang dijalankan berbentuk deskriptif untuk menilai keberkesanan sistem yang dibangunkan. Sampel kajian merupakan 30 orang pegawai yang terlibat dalam pelaksanaan program kesediaan kerjaya. Borang soal selidik digunakan bagi menilai keberkesanan sistem yang dibangunkan. Hasil kajian mendapati sistem e-Kesediaan Kerjaya yang dibangunkan menepati kehendak pengguna. Maklumat yang disediakan adalah mencukupi, lengkap dan mudah difahami. Sistem ini dapat membantu pegawai yang terlibat menjalankan tugas dengan berkesan tanpa menagalami sebarang kegagalan. Perkhidmatan yang disediakan mencakupi keperluan kerja yang dilaksanakan. Fungsi-fungsi yang ada pada sistem tidak mempunyai sebarang ralat sewaktu digunakan. Secara keseluruhannya pengguna amat berpuas hati dengan keupayaan sistem yang dapat membantu tugas seharian mereka. Kebolehpasaran pelajar merupakan isu utama dan merupakan petunjuk prestasi yang penting bagi sesebuah institusi pendidikan tinggi. Keupayaan sistem e-Kesediaan Kerjaya dalam membantu mengurus pelbagai program kesediaan kerjaya secara tidak langsung dapat memberi impak ke atas peningkatan peratusan kebolehpasaran pelajar disamping menghasilkan pelajar yang kompeten dan berdaya saing

Kata Kunci: Keberkesanan, penilaian, sistem, e-Kesediaan Kerjaya

How to Cite:

Ahmad, A. H. (2024). Keberkesanan sistem e-kesediaan kerjaya. *Jurnal Evolusi* , 5(2), 89–98. <https://doi.org/10.61688/jev.v5i3.331>

Copyright: © 2023 The Author(s)

Published by Universiti Poly-Tech Malaysia.

This article is published under the Creative Commons Attribution (CC BY 4.0) license.

<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/legalcode>

ABSTRACT

The e-Career Readiness System was developed to assist the CISEC (Corporate, Industrial Services and Employability Centre) Unit at Kuala Terengganu Polytechnic in managing career readiness programmes effectively. The development of this system is the best alternative to solve various issues related to the management of career readiness programmes. The absence of a centralized system that can be accessed online makes it difficult for the officers involved to regulate career readiness programs. The e-Career Readiness system developed must be evaluated in terms of its effectiveness to ensure that the quality of services provided meets the needs of consumers. The study conducted was descriptive to evaluate the effectiveness of the developed system. The study sample consisted of 30 officers involved in implementing the career readiness programme. Questionnaire forms are used to evaluate the effectiveness of the developed system. The results of the study found that the e-Career Readiness system developed meets users' needs. The information provided is adequate, complete and easy to understand. This system can help the officers involved carry out their duties effectively without experiencing any failures. The services provided cover the requirements of the work performed. The functions available on the system do not have any errors during use. Overall, users are very satisfied with the system's capabilities, which help with their daily tasks. Student employability is a key issue and an important performance indicator for a higher education institution. The ability of the e-Career Readiness system to help manage various career readiness programmes can indirectly have an impact on increasing the percentage of employability of students as well as producing competent and competitive students

Keywords: *Effectiveness, evaluation, system, e - Career Readiness*

INTRODUCTION

Kesediaan kerjaya merupakan keupayaan untuk membuat keputusan terhadap pemilihan kerjaya dengan mengambil kira faktor perkembangan kerjaya seperti keluarga, organisasi, sosial dan ekonomi (J. P. Sampson, 2013). Ianya merangkumi perolehan ilmu pengetahuan, kemahiran dan strategi pembelajaran. Strategi kognitif seperti kebolehan mentafsir, menyelesaikan masalah dan kebolehan membuat keputusan adalah kemahiran yang diperlukan bagi kesediaan kerjaya (Bullock, 2013).

Cabaran yang dihadapi institusi pendidikan tinggi pada masa kini adalah menyediakan pelajar dengan kemahiran yang sesuai dengan minat, kebolehan dan bakat mereka, disamping meningkatkan kemahiran membuat keputusan dan interpersonal (Izwan, 2019). Kesemua elemen di atas digunakan untuk mengukur kesediaan kerjaya pelajar dalam proses perancangan kerjaya. Justeru itu semua program yang berkaitan dengan kesediaan kerjaya perlu direkodkan secara sistematik, agar keberkesanan dan penambahbaikan dapat dilaksanakan dari masa ke semasa berdasarkan pencapaian peratus kebolehpasaran sesebuah institusi.

Pelbagai program kesediaan kerjaya telah dilaksanakan di Politeknik Kuala Terengganu mengikut keperluan bidang pembelajaran pelajar. Namun begitu program-program yang telah dilaksanakan tidak direkodkan bagi tujuan pelaporan dan penambahbaikan terhadap program yang telah dilaksanakan. Sistem e-Kesediaan Kerjaya telah dibangunkan bagi tujuan pemantauan dan perekodan program-program yang telah disertai oleh pelajar. Ianya dibangunkan bagi memastikan setiap pelajar harus menghadiri program kesediaan kerjaya yang dianjurkan oleh Unit CISEC (Corporate, Industrial Services and Employability Centre). Kuantiti dan kualiti aktiviti kesediaan kerjaya yang dianjurkan akan dinilai dari masa ke semasa dan keberkesanannya dilihat berdasarkan pencapaian kebolehpasaran graduan. Sistem yang dibangunkan mempunyai impak yang signifikan dalam pengurusan kesediaan kerjaya pelajar namun ianya perlu dinilai dari aspek keberkesanannya dalam membantu pegawai yang terlibat dalam pengurusan kesediaan kerjaya. .

PERNYATAAN MASALAH

Penggunaan teknologi digital dalam sesebuah organisasi dapat memberi impak yang positif ke arah memastikan dasar-dasar yang dilaksanakan kekal berdaya saing (Pavlik, 2020). Maklumat dan data berkaitan program kesediaan kerjaya tidak diurus dengan baik dan ini menyukarkan pelaporan dan pelaksanaan penambahbaikan. Maklumat yang tidak diurus dengan baik dan teratur boleh mendatangkan pelbagai masalah termasuk keberkesanan program yang dijalankan (Nurhidayati Zawiyah, 2014). Pembangunan sistem e-Kesediaan Kerjaya menyelesaikan masalah pengurusan program kesediaan kerjaya yang dilaksanakan secara manual. Walaupun begitu penilaian keberkesanan perlu dilaksanakan ke atas sistem e-Kesediaan Kerjaya bagi memastikan setiap fungsi yang disediakan dapat digunakan secara efektif. Kebolehppercayaan akan berkurangan jika terdapat ralat yang ditemui akibat ketidakupayaan sistem menyokong perubahan (Parvenna, 2019). Justeru itu, sistem yang dibangunkan perlu dinilai dari aspek keberkesanannya sebagai entiti perolehan dan penyampaian maklumat.

Objektif Kajian Dan Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi menilai keberkesanan sistem e-Kesediaan Kerjaya dalam membantu menyelaraskan program kerjaya dan menjawab persoalan kajian terhadap keberkesanan penggunaan sistem e-Kesediaan Kerjaya dalam membantu menyelaraskan program kerjaya.

Kepentingan Kajian

Dapatan kajian ini dapat membantu pihak Politeknik Kuala Terengganu melaksanakan program kesediaan kerjaya dengan lebih berkesan dan lancar serta seterusnya menjamin peratusan yang tinggi dalam kebolehpasaran pelajar seperti yang ditetapkan.

Skop Kajian

Kajian ini hanya dijalankan di Politeknik Kuala Terengganu (PKT) yang melibatkan pegawai yang terlibat dalam menyelaraskan program kesediaan kerjaya. Dapatan kajian adalah berdasarkan penilaian item yang telah ditetapkan.

KAJIAN LITERATUR KAJIAN

Kemahiran Kebolehpasaran

Kemahiran kebolehpasaran dianggap sebagai faktor terpenting semasa mengambil graduan baru untuk dunia pekerjaan. Institusi pendidikan tinggi hari ini berkolaborasi dengan industri untuk mengetahui keperluan kemahiran yang perlu dimiliki oleh graduan dan menyediakan mereka untuk pasaran kerja yang dinamik. Majikan mengharapkan graduan dapat mempamerkan kemahiran komunikasi yang baik, kerja berpasukan, kepimpinan dan kebolehan menyelesaikan masalah secara kolektif (Perera et.al., 2018).

Shraim (2019), menyatakan bahawa kegagalan sistem semasa dalam talian akan menghalang pengguna daripada menggunakan sistem tersebut. Penggunaannya hanya boleh dilaksanakan jika pengguna telah cukup keyakinan terhadap keupayaan sistem tersebut. Akibatnya, pihak pengurusan komited melaksanakan pelbagai tindakan bagi memastikannya sistem terbabit berjalan dengan lancar dan perkakasan, perisian, rangkaian dan sambungan internet berada dalam keadaan baik (Ali, Fadil, & Qarabash, 2021).

Pembangunan inovasi yang diberi nama “MYXTVT” sangat praktikal kerana pengendalian aplikasi ini mudah diakses, dikemaskini dan dipantau dengan mudah melalui peranti mudah alih seperti telefon, tablet, komputer riba dan komputer. Pelajar dapat mengakses aplikasi ini tanpa mengira masa dan tempat mereka (Kimlin, H. B., & Idris, S. I. B., 2019).

Menurut P. Dubey (2019), perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di institusi pengajian tinggi telah membawa transformasi yang luar biasa dalam e-governance dan automasi. Ia telah menerapkan kecekapan operasi dan meningkatkan proses pembuatan keputusan. Ideanya adalah untuk meningkatkan ketelusan dan tahap prestasi dengan memberi tumpuan kepada ketepatan masa.

METHODOLOGY

Metodologi kajian merupakan kaedah yang digunakan bagi menjalankan kajian dengan tujuan untuk menjawab permasalahan kajian yang dinyatakan.

Sampel

Sampel bagi kajian ini terdiri dari 30 orang pegawai dan pensyarah yang terlibat dalam pengurusan program kesediaan kerjaya di Politeknik Kuala Terengganu (PKT).

Instrumen Kajian

Soal selidik telah digunakan bagi kajian ini dan ianya merupakan kaedah berkesan bagi mendapatkan maklumat berkaitan (Najmul Hasan & Bao Yukun, 2020). Setiap item dalam borang soal selidik dinilai menggunakan kan skala Likert dengan skor 1, 2, 3, 4, dan 5. Analisa skor min digunakan bagi menilai keberkesanan sistem e-Kesediaan Kerjaya dalam mengurus program kesediaan kerjaya.

Kaedah Dan Analisis Data

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk deskriptif dimana min dan sisihan piawai yang diperolehi akan diinterpretasi kepada empat kategori iaitu 1.0 hingga 1.89 dinilai sangat rendah, 1.90 hingga 2.69 dinilai sederhana rendah, 2.70 hingga 3.49 dinilai sederhana, 3.50 hingga 4.29 dinilai tinggi dan 4.30 hingga 5.00 dinilai sangat tinggi (Haron & Mohamed, 2016). Perolehan data dari soal selidik dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 28.0.

ANALISIS DATA

Jadual 1: Analisis min dan sisihan piawai bagi menilai keberkesanan sistem e-Kesediaan Kerjaya

Bil.	Item soalan	Min	Sisihan Piawai	Intepretasi
Sumber Maklumat				
1.	Sistem ini menyediakan maklumat yang mencukupi bagi keperluan saya.	3.76	0.79	Tinggi
2.	Penghasilan maklumat dari kemasukan data pengguna dapat dijana dengan baik.	3.93	0.83	Tinggi
3.	Maklumat khusus yang diperlukan mudah untuk dicari	3.87	0.85	Tinggi
4.	Maklumat dipersembahkan dalam bentuk yang mudah difahami.	4.35	0.87	Sangat Tinggi
5.	Maklumat yang disampaikan dapat dicapai melalui pelbagai platform (sistem pengoperasian: Android, IOS dan Windows) yang	4.37	0.83	Sangat Tinggi

berbeza.				
	Min (N = 30)	4.06	0.83	Tinggi
Mod Sistem				
1.	Sistem ini membolehkan saya melaksanakan tugas dengan berkesan.	3.75	0.90	Tinggi
2.	Saya tidak mengalami sebarang kegagalan sistem semasa menggunakannya.	3.65	0.80	Tinggi
3.	Sistem ini menyediakan ciri keselamatan seperti kata laluan.	3.93	0.84	Tinggi
4.	Sistem ini dapat memberi panduan dan maklum balas yang sesuai kepada saya	4.21	0.76	Tinggi
5.	Sistem ini amat responsif tanpa ada lengah masa yang lama.	3.81	0.85	Tinggi
	Min (N = 30)	3.87	0.83	Tinggi
Perkhidmatan				
1.	Produktiviti kerja akan meningkat apabila menggunakan sistem ini.	3.65	0.75	Tinggi
2.	Sistem ini memudahkan analisis data bagi kegunaan saya.	3.83	0.71	Tinggi
3.	Sistem ini dapat menghasilkan maklumat dengan cepat apabila diperlukan oleh pihak yang berkepentingan	3.97	0.89	Tinggi
4.	Maklumbalas dapat dihasilkan dengan cepat dengan penggunaan sistem ini.	4.14	0.89	Tinggi
5.	Data dan maklumat yang dikehendaki dapat dipaparkan mengikut keperluan saya.	4.22	0.83	Tinggi
	Min (N = 30)	3.96	0.81	Tinggi
Kefungsian				
1.	Semua fungsi dalam sistem dapat dicapai dan dilaksanakan dengan baik.	4.31	0.91	Tinggi
2.	Sistem ini tidak mempunyai sebarang pepijat (bugs) sewaktu menggunakan fungsi yang disediakan.	3.92	0.87	Tinggi
3.	Antara muka kemasukan data telah direka bentuk dengan baik dan mesra pengguna.	4.17	0.94	Tinggi
4.	Sistem ini dapat menghasilkan maklumat dalam bentuk pelaporan	4.21	0.93	Tinggi

mengikut format yang sesuai mengikut keperluan saya.

5.	Sistem ini membenarkan pengemaskinian data dan maklumat.	4.11	0.88	Tinggi
	Min (N = 30)	4.14	0.91	Tinggi
Kepuasan Pengguna				
1.	Saya berasa yakin menggunakan sistem ini.	3.71	0.87	Tinggi
2.	Saya sangat berpuas hati dengan fungsi sistem yang disediakan bagi memenuhi keperluan tugas semasa.	4.07	0.88	Tinggi
3.	Sistem ini lengkap dan menyeluruh dan menepati keperluan saya	4.15	0.92	Tinggi
4.	Paparan sistem ini menarik dan mudah digunakan.	4.37	0.95	Sangat Tinggi
5.	Ciri keselamatan yang disediakan menyebabkan saya berasa selamat menggunakan sistem ini.	3.96	0.84	Tinggi
	Min (N = 30)	4.05	0.89	Tinggi
	Min Keseluruhan (N = 30)	4.02	0.85	Tinggi

Jadual 1 menunjukkan item yang dikaji beserta skor min dan sisihan piawai yang diperolehi bagi menilai keberkesanan sistem e-Kesediaan Kerjaya. Hasil kajian mendapati sistem e-Kesediaan Kerjaya efektif (min keseluruhan = 4.02) digunakan bagi membantu mengurus program kesediaan kerjaya.

Sumber Maklumat

Hasil kajian menunjukkan bahawa maklumat yang disediakan oleh sistem adalah mencukupi dan menyeluruh (min = 4.06). Ini dipersetujui oleh kesemua pengguna yang menilai aspek tersebut. Sistem e-Kesediaan Kerjaya dapat menyediakan maklumat yang diperlukan oleh pengguna dan dapat dicapai melalui pelbagai platform.

Mod Sistem

Sistem yang dibangunkan dapat membantu pengguna melaksanakan tugas dengan berkesan. Ia tidak mengalami sebarang kegagalan dan amat responsif dalam menyampaikan maklumat yang diminta oleh pengguna. Ianya juga dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan bagi menjamin kerahsiaan data. Pengguna bersetuju bahawa dari segi kualiti, sistem yang dibangunkan adalah lengkap dan efektif digunakan (min = 3.87).

Perkhidmatan

Pengguna bersetuju bahawa dengan penggunaan sistem e-Kesediaan Kerjaya, produktiviti kerja mereka akan meningkat. Tugas yang dilaksanakan dapat diselesaikan dalam waktu singkat. Sistem ini juga mampu menghasilkan maklumat dengan cepat apabila diperlukan dan ini menunjukkan keberkesanan perkhidmatan yang disediakan. Ia juga memudahkan analisis data berdasarkan input yang diberikan oleh pengguna. Secara keseluruhannya pengguna yakin dengan kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh sistem ini (min = 3.96).

Kefungsian

Pengguna bersetuju bahawa sistem ini dapat menjalankan segala fungsi yang disediakan dengan baik (min = 4.14). Sistem ini tidak mempunyai sebarang pepijat (bugs) dan dapat menghasilkan maklumat dalam bentuk pelaporan mengikut format yang sesuai. Pengemaskinian data dan maklumat juga boleh dilaksanakan mengikut program yang akan dijalankan.

Kepuasan Pengguna

Pengguna berpuas hati terhadap sistem yang dibangunkan (min = 4.02). Fungsi sistem yang disediakan memenuhi keperluan tugas semasa. Sistem yang dibangunkan adalah lengkap dan menyeluruh serta memenuhi keperluan pengguna. Paparan bagi sistem ini menarik dan mudah digunakan.

PERBINCANGAN

Sistem e-Kesediaan Kerjaya dibangunkan bertujuan untuk memudahkan pegawai-pegawai yang terlibat dengan program kesediaan kerjaya mengawal selia program dengan lebih berkesan. Penggunaan sistem ini dapat memastikan pengurusan program berjalan dengan lancar dan penambahbaikan dapat dilaksanakan pada masa akan datang. Manfaatnya, semua pelajar akan dapat mengikuti program yang dirancang dan ini merupakan langkah awal sebagai persediaan pelajar sebelum memasuki alam pekerjaan.

Kematangan sistem yang dibangunkan adalah berdasarkan penilaian keberkesanan yang telah dijalankan. Justeru itu, kajian yang dijalankan adalah untuk menilai keberkesanan sistem terbabit dalam pelbagai aspek bagi memastikan kefungsian sistem adalah sejajar dengan objektif yang ditetapkan. Dapatan kajian menunjukkan sistem ini berkesan dan menepati keperluan pengguna dalam memastikan program kesediaan kerjaya dapat dilaksanakan dengan baik.

Impak kajian keberkesanan yang dijalankan dapat membantu Unit CISEC (Corporate, Industrial Services and Employability Centre), Politeknik Kuala Terengganu menguruskan program kesediaan kerjaya dengan lebih berkesan. Fungsi sistem sedia ada akan dapat ditambah baik dari masa ke semasa mengikut keperluan Unit CISEC dan ia juga tertakluk kepada dasar baru yang diperkenalkan kepada institusi..

KESIMPULAN

Pengurusan program kesediaan kerjaya memerlukan sistem aplikasi yang berkesan untuk membantu pegawai yang terlibat mengendalikan program-program yang dirancang dengan baik. Sistem yang dibangunkan harus menepati kehendak pengguna, terutama dari aspek antara muka dan kefungsiannya. Sistem e-Kesediaan Kerjaya dibangunkan untuk memudahkan pengurusan program kesediaan kerjaya.

Secara keseluruhannya, sistem e-Kesediaan Kerjaya yang dibangunkan menampakkan keberkesanannya apabila dinilai dari pelbagai aspek. Maklumat yang disediakan dalam sistem terbabit adalah lengkap dan mencukupi, memudahkan tugas pengguna. Kefungsian sistem yang disediakan merangkumi keperluan pengguna dan kebolehpercayaan perkhidmatan yang disediakan adalah tinggi. Justeru itu, pengguna berpuas hati dan yakin terhadap sistem yang dibangunkan. Walaupun demikian, terdapat beberapa elemen yang perlu dinaik taraf pada masa depan, khususnya elemen penglibatan dari pihak industri.

Cabaran yang dihadapi oleh unit CISEC (Corporate, Industrial Services and Employability Centre) telah diatasi melalui sistem e-Kesediaan Kerjaya. Penilaian keberkesanan yang dijalankan menunjukkan sistem ini berfungsi dengan baik dan mampu membantu unit CISEC mengurus program kesediaan kerjaya. Namun begitu, dalam mendepani cabaran kebolehpasaran graduan di masa depan, pelbagai penambahbaikan perlu dilaksanakan terhadap sistem agar dapat mencapai sasaran yang ditetapkan oleh organisasi.

ACKNOWLEDGEMENT

The authors would like to express their sincere gratitude to Politeknik Kuala Trengganu for providing the resources and support necessary to complete this study. We would also like to thank all participants who contributed their time and insights to this research. Special appreciation is extended to colleagues and peers who offered valuable feedback during the development of this manuscript.

CONFLICT OF INTEREST

The authors declare that they have no known competing financial interests or personal relationships that could have appeared to influence the work reported in the paper.

AUTHOR CONTRIBUTION STATEMENT

Author 1 contributed to the conceptualization, research design, and writing of the original draft.

Author 2 was responsible for data collection, analysis, and validation of the results.

Author 3 provided supervision, critical review, and editing of the final manuscript.

All authors have read and approved the final version of the manuscript.

ETHICS STATEMENT

This research was conducted in accordance with the ethical standards of Politeknik Kuala Trengganu and adhered to the principles outlined in the Declaration of Helsinki. All participants were informed about the purpose of the study and provided written informed consent prior to participation. Participants' privacy and confidentiality were strictly maintained, and data collected were used solely for academic purposes.

REFERENCES

- Ali, S., Fadil, T. A., & Qarabash, N. A. (2021). *Online Examination System (Electronic Learning)*. Baghdad, Iraq: Springer Nature Singapore Pte Ltd.
- Ansari, G.A. (2017). Career Guidance Through Multilevel Expert System Using Data Mining Technique. *International Journal of Information Technology and Computer Science*, 9 (8), 22 - 29.
- Ansari, G.A. (2017). Career Guidance Through Multilevel Expert System Using Data Mining Technique. *International Journal of Information Technology and Computer Science*, 9 (8), 22 - 29.
- Career Thoughts, Career Interests, and Career Decision State". *The Canadian Journal of Career Development /Revue Canadienne de Développement de Carrière*, 12 (1), 39 - 47.
- Dandago, K. I. & Rufai, A. S. (2014). Information Technology and Accounting Information System in the Nigerian Banking Industry. *Asian Economic and Financial Review*, 4 (5), 655 - 670.

definition of college and career readiness: A holistic approach. ACT Research Report Series, 2014 (5).

E. Bullock - yowell, A. K. Chason, J. P. Sampson, J. G. Lenz, and R. C. Reardon. (2013). "Relationships among executive-summary.pdf

Hasan, N., & Bao, Y. (2020). Impact of "E-Learning Crack-Up" Perception on Psychological Distress Among College Students During COVID - 19 Pandemic: A Mediating Role of "Fear of Academic Year Loss". Children and Youth Services Review, 118, 105355.

Henderson, M., Selwyn, N., & Aston, R. (2017). What works and why? Student perceptions of 'useful' digital technology in university teaching and learning. Studies in higher education, 42 (8), 1567 - 1579.

Hora, M. T., Benbow, R. J., & Smolarek, B. B. (2017). Re-thinking soft skills and student employability: A new interventions", The Career Development Quarterly, 61 (June), 98 - 110.

J. P. Sampson, M. McClain, E. Musch, and R. C. Reardon, "Variables affecting readiness to benefit from career

Kimlin, H. B., & Idris, S. I. B. (2019). Aplikasi Pintar Pengurusan Projek Seni Digital. Journal on Technical and Vocational Education, 4 (3), 19 - 28.

Mattern, K., Burrus, J., Camara, W., O'Connor, R., Hansen, M. A., Gambrell, J., Bobek, B. (n.d.). Broadening the Mohd Izwan Mahmud, Abu Yazid Abu Bakar, Salleh Amat. (2019). Implications of Career Intervention on Public NACE (2017). The Class of 2017 student survey report, executive summary.

<https://www.naceweb.org/uploadedfiles/files/2017/publication/executivesummary/2017-nace student-survey>

Nurhidayati Zawiyah. (2014). Rangka Kerja Pengurusan Rekod Elektronik Pelajar Kolej Vokasional di Malaysia. Jurnal Teknologi Maklumat Dan Multimedia Asia-Pasifik, 3 (2), 27 - 46.

P. Dubey, D.K. Pandey. (2019). Study on Use of ICT in Online Admission Process in Higher Educational Institutions in Chhattisgarh. International Journal of Computer Sciences and Engineering, Vol. 7, Special Issue. 3, Feb. 2019. paradigm for undergraduate education. Change: The Magazine of Higher Learning. 50 (6), 30 -37.

Parveena Sandrasegaran, Kesava Pillai Rajadorai. (2019). Reliability Issues in Online Applications of Private Learning Institutions in Malaysia. International Journal of Scientific & Technology Research, Volume 8, Issue 12, December 2019.

Pavlik, J. V. (2020). Fueling a Third Paradigm of Education: The Pedagogical Implications of Digital, Social and Mobile Media. Contemporary Educational Technology, 6 (2), 113 - 125.

- Perera et. al. (2018). Career Readiness: A Survey on Effectiveness of Learning Employability Skills at University Level. International Journal of Engineering Technologies and Management Research, Vol. 5 (Iss.11)
- Saraswathi, S.; Reddy, M.H.K.; Kumar, S. U.; Suraj, M.; and Shafi, S.K. (2014). Design Of an Online Expert System for Career Guidance. International Journal of Research in Engineering and Technology (IJRET), 3 (7), 314 - 319.
- Shifa Dwi Oktaviani, Rima Lorentiana Wijayanti, Hegarmanah Muhabatin, Edi Wahyudin, & Edi Tohidi. (2022). Pengembangan Sistem Informasi Penerimaan Siswa Baru Taman Kanak Kanak Berbasis Web. KOPERTIP: Jurnal Ilmiah Manajemen Informatika dan Komputer, 4 (2), 51 - 57.
- Shraim, K. Y. (2019). Online Examination Practices in Higher Education Institutions: Learners' Perspectives. Turkish Online Journal of Distance Education, 20 (4), 185 - 196.
- University Students in Malaysia. International Journal of Management and Applied Science, Volume - 5, Issue - 12, Dec. 2019.
- Yannakoudakis, H.; and Yannakoudakis, E. J. (2015). The Architecture of The ARISTON Expert System for Vocational Counseling. Proceedings of the 5th International Conference on Industrial Engineering and Operations Management (IEOM). Dubai, United Arab Emirates, 1- 6.
- Zaihan, Haron & Hilmun, Mohamed. (2016). Tahap Efikasi Dengan Skor Pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran Pensyarah di Politeknik Melaka. Politeknik & Kolej Komuniti. Journal of Social Sciences and Humanities, Vol. 1 (1).